

05/09/1998

Komponen BN hormati tindakan MT Umno

KUALA LUMPUR, Jumaat - MCA, MIC dan Gerakan menghormati keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno memecat bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sebagai ahli parti itu malam tadi.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata Mesyuarat Majlis Presiden MCA yang membincangkan khusus isu pelucutan jawatan Anwar, berpendapat ia adalah masalah dalaman Umno.

"Bagi perpaduan Barisan Nasional (BN) dan rakyat, MCA menyokong dan menghormati keputusan itu," katanya selepas mesyuarat berkenaan selama kira-kira 45 minit di sini, hari ini.

Turut hadir Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek; Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh; Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng; Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Ong Ka Ting; dan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Wong See Wah.

Ditanya adakah pelucutan Anwar itu memberi kesan kepada kestabilan politik negara, Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata, MCA mencadangkan parti komponen BN meletakkan soal itu di belakang bagi memberi tumpuan kepada pemulihan ekonomi negara.

Menurutnya, MCA juga akan memberikan penjelasan mengenai isu pelucutan jawatan Anwar kepada semua ahlinya di seluruh negara, jika perlu.

"Setakat ini media sudah memainkan tugas memberikan laporan yang begitu jelas. Umno perlu menjelaskan kepada semua ahlinya mengenai pelucutan jawatan Anwar.

"Bagi MCA, jika perlu berbuat demikian, kami sedia melaksanakannya," katanya.

Sementara itu, Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata parti komponen BN tidak akan mencampuri keputusan parti komponen BN yang lain.

"Kita tidak boleh menyoal keputusan yang dibuat Umno kerana ini menjadi prinsip parti komponen BN. Kalau saya buat keputusan untuk MIC, Umno juga tidak boleh mencampuri urusan itu," katanya.

Beliau berkata, prinsip itulah yang memberikan kekuatan kepada kerajaan dan hubungan rapat antara semua parti komponen.

"Pemimpin datang dan pergi...tetapi kesatuan komponen BN tetap kukuh," katanya.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata, semua projek yang diluluskan sebelum ini tetap dijalankan walaupun Anwar dilucutkan jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

"Tidak ada kaitan di antara projek dan politik. Seseengah projek yang diluluskan dan diserahkan kepada pihak tertentu akan dilaksanakan kerana politik dan projek adalah isu yang berbeza," katanya.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata Jawatankuasa Kerja Pusat Gerakan yang bermesyuarat semalam memutuskan menyokong tindakan Perdana Menteri.

Menurutnya, selain hak, Dr Mahathir sudah tentu mempunyai sebab kukuh untuk mengambil tindakan berkenaan.

"Gerakan menyokong dan bersetuju dengan tindakan yang diambil Perdana Menteri. Walaupun (kes berhubung dakwaan terhadap Anwar) belum masuk ke mahkamah, apa yang kita tahu, Perdana Menteri lebih memahami tindakan atau sebab tindakan itu diambil," katanya.

Beliau juga meminta rakyat tidak menimbulkan masalah hingga menjejaskan kestabilan politik yang akan menghalang kemasukan pelabur asing berikutan langkah itu.

Sambil berharap semua pihak memberi sokongan padu kepada tindakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau berkata, kestabilan politik adalah syarat utama menarik pelabur asing ke negara ini.

"Kita harus memberi keyakinan kepada pelabur dengan memaklumkan modal yang dilabur di negara ini dan keuntungan yang diperolehi adalah selamat dan boleh dibawa keluar.

"Untuk itu kita memerlukan kestabilan politik bagi menjelaskan kepada pelabur berpotensi yang masuk ke negara kita. Ia adalah sebab utama ramai pelabur asing ke negara kita dan itu adalah syarat yang tidak ada perbandingannya dengan negara jiran atau negara lain yang juga pesaing kita.

"Jika kita membuat apa yang akan menghalang atau menjejaskan kestabilan politik, tentu ekonomi kita tidak pulih," katanya kepada pemberita selepas menghadiri seminar Gerakan Johor di Johor Bahru, hari ini.

"Kita harap ahli Umno dan parti komponen BN menyokong keputusan itu dan jangan jadikan huru hara sebab apabila Malaysia menghadapi kegawatan ekonomi, ada banyak yang perlu dibuat untuk menghadapi cabaran dari kegawatan ekonomi," katanya.

(END)